TEKS UCAPAN

YANG BERUSAHA

TS DR MOHAMAD AZHAR MOHD NOOR

PENOLONG REKTOR

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG KAMPUS BERTAM

SEMPENA

MAJLIS RAMAH MESRA NAIB

CANCELOR UITM

DI

DEWAN KULIAH 2

PADA

6 FEBRUARI 2026 (ISNIN) BERSAMAAN

18 SHAABAN 1447H

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمـــنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS

1. **Yang Berbahagia Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin**
Naib Canselor UiTM

2. **Yang Berbahagia Prof. Dato' Ir. Dr. Hj. Ahmad Rashidy bin Razali**
Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang

3. **Yang Berusaha Ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri UiTM Pulau Pinang**

4. **Yang Berusaha Barisan Pengurusan Kanan UiTM Bertam, Ketua-Ketua serta Koordinator Pusat Pengajian, Jabatan dan Unit.**

5. **Seterusnya para pensyarah, pegawai dan semua warga kampus yang dihormati sekalian.**

Assalamualaikum w.r.t.
Salam Malaysia Madani
Salam UiTM Di Hatiku

اللهم صل على محمد وعلى آل محمد
كما صليت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم
وبارك على سيدنا محمد وعلى آل محمد
كما باركت على آل إبراهيم إنك حميد مجيد

PENDAHULUAN

1. **Alhamdulillah,** setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun dalam Majlis Ramah Mesra bersama Datuk Naib Canselor UiTM pada hari ini
2. Bagi pihak seluruh warga **UiTM Kampus Bertam**, saya merakamkan ucapan **selamat datang** dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Naib Canselor atas kesudian meluangkan masa untuk bersama kami. Kehadiran Yang Berbahagia Datuk amat bermakna dan menjadi satu penghormatan besar kepada seluruh warga kampus.

Hadirin sekalian,

3. Majlis ramah mesra ini bukan sekadar satu pertemuan rasmi, malah merupakan platform penting dalam **mengukuhkan hubungan silaturahim** antara pihak pengurusan tertinggi universiti dengan warga kampus. Ia juga membuka **ruang komunikasi yang lebih dekat dan berkesan**, selari dengan aspirasi kepimpinan UiTM yang menekankan kebersamaan, keterbukaan dan kesejahteraan warga universiti.
4. UiTM Kampus Bertam, walaupun merupakan kampus yang sedang berkembang, sentiasa komited dalam menyokong agenda kecemerlangan universiti khususnya dalam bidang pendidikan dan latihan profesional. Untuk pengetahuan Datuk VC, Kampus Bertam

menempatkan **Fakulti Sains Kesihatan**, yang menawarkan lima program akademik merangkumi pelbagai disiplin dalam bidang sains kesihatan, sejajar dengan keperluan semasa industri dan sektor kesihatan negara.

5. Selain itu, Kampus Bertam turut menawarkan **Program Diploma Farmasi**, yang menjadi antara program penting dalam melahirkan tenaga teknikal yang kompeten dan beretika dalam bidang farmaseutikal. Program ini sentiasa diberi perhatian dari segi kualiti pengajaran, latihan praktikal serta pendedahan kepada amalan sebenar di lapangan.
6. Lebih dari itu, untuk pengetahuan Datuk VC, kami di Kampus Bertam telah berjaya memulakan **Klinik Terapi Cara Kerja** bermula tahun 2025 serta mendapat **sambutan yang amat menggalakkan** walaupun setakat kini, kita hanya bermula dengan staff dalaman sahaja. Pada masa akan datang, kita menjangkakan kemasukan lebih ramai pelanggan daripada penduduk sekitar Kepala Batas.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

7. Kunjungan Naib Canselor pada hari ini adalah cerminan komitmen tinggi pengurusan tertinggi dalam **meninjau operasi, kebajikan staf, dan kemajuan projek-projek strategik** di peringkat kampus cawangan. Kami amat berbesar hati untuk berkongsi aspirasi, pencapaian, serta mendengarnya ucapan dan hala tuju universiti daripada Naib Canselor sendiri.

PENUTUP

8. Mengakhiri ucapan saya pada kali ini, saya bacakan serangkap pantun:

Tanda adat bersendi syarak,
Quran dan hadis menjadi tiang;
Tanda umat berbudi akhlak,
Kelakuan manis hati penyayang.
(Pantun Khazanah Melayu Riau, DBP, 2007)

Akhir kata, *Wabillahi Taufiq Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Terima kasih.